



MAJLIS KOLOKIUUM USAHAWAN BIMBINGAN RISDA 2008

UCAPAN PERASMIAN

OLEH

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA**

**RISTEC, PORT DICKSON,
NEGERI SEMBILAN
2 DISEMBER 2008**

YANG BERUSAHA SAUDARA PENGERUSI MAJLIS

**YANG BERBAHAGIA DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGERUSI J/KUASA KOLOKIUUM USAHAWAN
PEKEBUN KECIL**

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN,

**TN. HJ. ABDUL GHAFAR BIN DATO' BORHANUDIN
PENGARAH RISDA NEGERI SEMBILAN**

**DAN SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
USAHAWAN PEKEBUN KECIL YANG DIKASIHI SEKALIAN.**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

A. PENGHARGAAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZIN DAN RAHMATNYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI MAJLIS PERASMIAN KOLOKIUUM USAHAWAN PEKEBUN KECIL PADA HARI INI. DENGAN TERLAKSANANYA PROGRAM INI, BERMAKNA SATU LAGI KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH RISDA AKAN DINIKMATI OLEH USAHAWAN-USAHAWAN PEKEBUN KECIL.

3

2. SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGURUSAN RISDA KHASNYA KEPADA DATO` KETUA PENGARAH SENDIRI KERANA DAPAT MENJAYAKAN KOLOKIUUM INI DAN DIHARAPKAN KOLOKIUUM INI DAPAT DIADAKAN SECARA TAHUNAN ATAUPUN SEKURANG-KURANGNYA DWI TAHUNAN.

3. SEBAGAIMANA DIMAKLUMKAN OLEH KETUA PENGARAH TADI BAHAWA PESERTA KOLOKIUUM INI YANG TERDIRI DARIPADA USAHAWAN YANG BELUM BERPELUANG

4

MENGHADIRI SEMINAR KEUSHAWANAN YANG DI ANJURKAN OLEH RISDA SENDIRI.

4. SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA ANDA SEMUA KERANA BERNASIB BAIK TELAH TERPILIH MENGIKUTI KOLOKIUUM USAHAWAN INI DAN INI ADALAH PELUANG KEEMASAN YANG PATUT KITA GUNA SECARA MAKSIMUM DALAM MEMPEROLEHI MAKLUMAT YANG BERSESUAIAN DENGAN KERJAYA KITA.

5

5. SAYA TELAH MENELITI TENTANG PENGISIAN PROGRAM KOLOKIUUM INI DAN SAYA DAPATI IA NYA SANGAT BERFAEDAH DAN MENEPATI SASARAN YANG DIHARAPKAN.

6. JUGA DISEDIAKAN DUA TAJUK MENGENAI GABEM, IAITU MEMBINA SIKAP DAN SEMANGAT USAHAWAN DAN MEWUJUD RANTAIAN KERJASAMA DIKALANGAN USAHAWAN MELAYU.

6

7. MUNGKIN SEBELUM SAMPAI DISINI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TIDAK TAHU APAKAH GABEM, APAKAH PERANAN NYA DAN BAGAIMANA IA DAPAT MEMBANTU USAHAWAN-USAHAWAN BARU SAPERTI TUAN-TUAN.

KINI SAYA PERCAYA TUAN-TUAN TELAH FAHAM SETELAH MENGIKUTI PROGRAM YANG DITERANGKAN OLEH PENCERAMAH GABEM SEBENTAR TADI.

7

8. MELALUI KOLOKIUUM INI, PESERTA AKAN DIDEHAHKAN KEPADA USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN USAHAWAN KHUSUSNYA DIBAWAH PROGRAM KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN KOPERASI DAN RISDA. SAYA SARAN SELEAPS INI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT PELUANG LAIN MENGENAI USAHAWAN SAPERTI SMIDEC (SMALL AND MEDIUM INDUSTRIES DEVELOPMENT COPERATION), PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD, TEKUN NASIONAL DAN AGRO BANK YANG JUGA BOLEH MEMBANTU USAHAWAN.

8

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN JUGA AKAN DIDEDAH PERANAN SEKTOR SWASTA SEPERTI PASARAYA GERGASI MYDIN DAN TESCO DALAM MEMBANTU USAHAWAN BAGI PEMASARAN PRODUK.

HADIRIN YANG DIKASIHI,

9. BAGI MENJAMIN KEPADA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN, TUAN-TUAN PERLULAH CELIK KOMPUTER.

9

KEADAAN MASA KINI TIDAK LAGI MEMBENARKAN KITA UNTUK MEMINGGIRKAN KOMPUTER. APA SAHAJA MAKLUMAT DAN KEPERLUAN BOLEH KITA LAYARI LAMAN KOMPUTER.

10. DENGAN ITU SAYA SARANKAN SEMUA USAHAWAN YANG BELUM MENGENALI KOMPUTER PERLU MEMBELI SEBUAH KOMPUTER DAHULU. HARGANYA PUN SEKARANG TIDAK MAHAL,SEKITAR RM 2000.00 SEBUAH.

HADIRIN YANG DIKASIHI,

B. PENEKANAN KERAJAAN KEATAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR.

11. PENGUMUMAN BAJET 2009 PADA 29 OGOS 2008 TELAH MEMBERI NAFAS BARU KEPADA MASYARAKAT LUAR BANDAR. KITA BOLEH MELIHAT ADA SATU PERSPEKTIF BARU YANG MEMBERIKAN PERHATIAN DAN KEUTAMAAN BARU KEPADA PEMBANGUNAN DESA.

11

MISI KERAJAAN ADALAH SUPAYA KAWASAN LUAR BANDAR DI MALAYSIA MENJADI KAWASAN YANG MAJU, MENARIK DAN MENGUNTINGKAN DENGAN MASYARAKATNYA YANG PROGRESIF, SEJAHTERA DAN CEMERLANG.

DALAM BIDANG EKONOMI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENJANA DAN MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI EKONOMI DESA DENGAN HARAPAN DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PENDUDUK UNTUK TINGGAL DI LUAR BANDAR DI SAMPING BERUSAHA BAGI MENGURANGKAN PENGHIJRAHAN KE BANDAR.

12

12. RISDA JUGA TELAH MENGATUR BEBERAPA STRATEGI UNTUK MEMPERKASAKAN PEKEBUN KECIL DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN SEBAGAI PILIHAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF KESEJAHTERAAN MASYARAKAT PEKEBUN KECIL.

SETAKAT INI, RISDA TELAH MELAHIRKAN 3020 ORANG USAHAWAN DI KALANGAN PEKEBUN KECIL MELALUI PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN KELUARGA PEKEBUN KECIL. BIDANG KEUSAHAWANAN MELIPUTI PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LADANG, PEMBEKALAN INPUT

13

PERTANIAN, PEMASARAN, TAPAK SEMAIAN, TERNAKAN, TANAMAN DAN INDUSTRI DESA.

13. BAGI TUJUAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA, RISDA DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI LUAR BANDAR KHUSUSNYA MENINGKATKAN BILANGAN USAHAWAN DI KALANGAN PEKEBUN KECIL DI LUAR BANDAR. RISDA JUGA TELAH MELAKSANAKAN SATU PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SENDIRI YANG SELARI DENGAN PELAN TINDAKAN KKLW. PELAN INI

14

DINAMAKAN PUPUK ATAU PELAN PEMBANGUNAN USAHAWAN PEKEBUN KECIL.

MATLAMAT PUPUK ADALAH MEWUJUDKAN SERAMAI 10000 ORANG USAHAWAN PEKEBUN KECIL YANG BERDAYA MAJU, BERDAYA SAING DAN BERDAYA TAHAN MENJELANG TAHUN 2010.

15

14. MEKANISMA BAGI MERANGKA PUPUK ADALAH MELALUI EMPAT PROGRAM IAITU:

- i) PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN
- ii) PROGRAM TAMBAH NILAI PRODUK
- iii) PROGRAM PEMASARAN DAN PROMOSI
- iv) PROGRAM INTERGRASI KEUSAHAWANAN

15. MAJLIS KOLOKIUUM INI MERUPAKAN SALAH SATU PLATFORM BAGI MEMPERLUASKAN JARINGAN PERNIAGAAN YANG TELAH BERTAPAK MAHU PUN USAHAWAN-SAHAWAN YANG BARU MELANGKAH KE DUNIA PERNIAGAAN.

16

C.SENARIO SEKTOR PEKEBUN KECIL DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGARA.

16. SEBAGAI PENGELUAR GETAH UTAMA NEGARA, AMAT PENTING SEKTOR PEKEBUN KECIL DI TRANSFORM KEPADA SEKTOR YANG LEBIH DINAMIK DAN BERDAYA SAING UNTUK TERUS MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA SECARA LEBIH BERKESAN.

17

17. KE ARAH ITU, TUMPUAN YANG LEBIH DIBERIKAN KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN MODAL INSAN DI KALANGAN PEKEBUN KECIL UNTUK MENJADIKAN MEREKA LEBIH BERPENGETAHUAN, BERKEMAHIRAN, BERINISIATIF, BERINNOVATIF, PROAKTIF DAN BERKEUSAHAWANAN.

18. PEKEBUN KECIL DIBERI LEBIH EMPOWERMENT UNTUK MENGURUS AKTIVITI PERLADANGAN DAN PEMASARAN HASIL MEREKA SECARA CEKAP MELALUI PENYATUAN KEBUN. RISDA MAHU MEMBENTUK PEKEBUN KECIL YANG PROGRESIF YANG LENGKAP DENGAN KEMAHIRAN

18

KEUSAHAWANAN SEHINGGA MAMPU MENJANA PENDAPATAN YANG STABIL DAN BERTERUSAN DARIPADA LADANG GETAH DAN AKTIVITI EKONOMI LAIN YANG MEREKA CEBURI.

19. RISDA MENYEDIAKAN PELUANG YANG LEBIH UNTUK PEKEBUN KECIL TERLIBAT SECARA LANSUNG DAN AKTIF DALAM AKTIVITI HULUAN DAN HILIRAN INDUSTRI GETAH. SEBAGAI CONTOH DI PERINGKAT HULUAN PEKEBUN KECIL BOLEH TERLIBAT DALAM PEMBEKALAN BENIH DAN BAJA UNTUK KEPERLUAN PEKEBUN KECIL. DI PERINGKAT

19

HILIRAN PULA PEKEBUN KECIL BOLEH TERLIBAT BIDANG PEMASARAN DAN PROSESAN GETAH KELUARAN MEREKA.

20. PADA KETIKA ITU RISDA AKAN BERPERANAN SEBAGAI AGENSI PEMANGKIN DAN PEMUDAHCARA ATAU PENYELARAS KEPADA GERAKAN BESAR2AN PEKEBUN KECIL KE ARAH MENJADI TUAN KEPADA INDUSTRI GETAH NEGARA.

20

D.PROGRAM PPPH UNTUK KEMUDAHAN PEKEBUN KECIL MEMASARKAN HASIL KOMODITI.

21. KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM8 JUTA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN PEMASARAN HASIL (PPPH) DI BAWAH RMK 9. ADA DUA KOMPONEN UTAMA DALAM PEMBANGUNAN PPPH, IAITU PUSAT TIMBANG DAN SETOR (PTS) DAN PUSAT PENGELUARAN PRODUK PEKEBUN KECIL (PPPK). KEDUA-DUA PUSAT TERSEBUT MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA PEKEBUN KECIL SECARA BERKUMPULAN UNTUK MEMASARKAN HASIL.

21

22. MELALUI PTS, CARA JUALAN GETAH BOLEH DILAKSANAKAN SECARA KELOMPOK DAN PEMASARANNYA DIATURKAN MELALUI SISTEM TENDER. DENGAN CARA INI PEKEBUN KECIL AKAN MENDAPAT HARGA YANG LEBIH BAIK. UNTUK PRODUK-PRODUK LAIN, PPPK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI TEMPAT UNTUK MENGUMPULKAN PRODUK BERKENAAN SEBELUM IANYA DIPASARKAN.

22

E. PELAKSANAAN KAEDAH PEMASARAN SECARA 'SUPER DEALER'

23. YB MENTERI MEMBERI PERHATIAN YANG SERIUS DALAM URUSAN PEMASARAN KOMODITI GETAH DAN SAWIT. RISDA DIMINTA MEMBERI PENEKANAN KEPADA JUALAN SECARA KELOMPOK. DEPO PEMBELIAN GETAH YANG DIBINA DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DI BAWAH PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI (PPG) MERUPAKAN PERINGKAT PERTAMA UNTUK MENGWUJUDKAN JUALAN GETAH SECARA BERKELOMPOK.

23

24. GETAH-GETAH PEKEBUN KECIL DARIPADA PROJEK-PROJEK BERKUMPULAN DIKUMPUL DI DEPO-DEPO BELIAN YANG URUSAN JUALAN DILAKUKAN SECARA TENDER. KOPERASI PEKEBUN KECIL NEGERI ATAU DAERAH (KPK) ATAU RPSB BOLEH MEMAINKAN PERANAN DALAM URUSAN BELIAN GETAH ATAU SAWIT PEKEBUN KECIL. PRODUK-PRODUK BERKENAAN KEMUDIAN DIKUMPULKAN DI PUSAT-PUSAT TIMBANG DAN SETOR YANG BERHAMPIRAN YANG KEBANYAKKANNYA DIBINA DI KAWASAN-KAWASAN YANG BANYAK BERTANAM GETAH

24

ATAU SAWIT. DENGAN KUANTITI PRODUK YANG BANYAK, KPK ATAU RPSB BOLEH BERURUSAN TERUS DENGAN KILANG GETAH ATAU SAWIT. URUSAN PEMASARAN SEUMPAMA INI AKAN MEWUJUDKAN '**SUPER DEALER**' DARI KALANGAN KPK ARAU RPSB.

F. NASIHAT KEPADA USAHAWAN

25. MENJADI SEORANG USAHAWAN YANG BERJAYA ADALAH MENJADI IMPIAN SEMUA ORANG. RAMAI DI ANTARA KITA YANG MEMPUNYAI HARAPAN SETINGGI GUNUNG, TETAPI

25

ADAKAH KITA BERUPAYA DAN SANGGUP UNTUK BEKERJA KERAS DAN BERUSAHA SEHINGGA BERJAYA? BIDANG KEUSAHAWANAN MERUPAKAN SATU BIDANG YANG CUKUP MENCABAR, PENUH DENGAN RISIKO. OLEH ITU, JIKA KITA MAHU MENJADI SEORANG USAHAWAN YANG BERJAYA, KITA PERLULAH MEMBUAT PERSEDIAAN YANG SERIUS JUGA. UMPAMA PENDEKAR YANG INGIN MASUK KE GELANGGANG, SEBELUM MEMASUKI GELANGGANG, DIA PERLU TERLEBIH DAHULU BELAJAR ILMU SILAT, MENEPIS, MENENDANG, MENGELAK DAN SEGALA TAKTIK PERSILATAN UNTUK MUNCUL SEBAGAI PENDEKAR. OLEH ITU TUAN-TUAN DAN

26

PUAN-PUAN PERLU MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PELBAGAI TEKNIK DAN TAKTIK SUPAYA KITA TIDAK MUDAH DI PERDAYA DAN KECUNDANG DI TENGAH JALAN. DENGAN ADANYA KOLOKIUUM INI, SAYA HARAP PARA USAHAWAN PEKEBUN KECIL AKAN SALING BEKERJASAMA SEBAGAI SATU KUMPULAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU JARINGAN PERNIAGAAN YANG MANTAP. IBARAT KATA PEPATAH, 'BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH'

27

G. PENUTUP

26. AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAM SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA RISDA ATAS USAHA YANG AMAT MURNI INI, MOGA-MOGA DIBERKATI ALLAH S.W.T. SEMOGA MAJLIS KITA PADA HARI INI MENJADI TITIK PERMULAAN DALAM USAHA UNTUK MENYEDIAKAN USAHAWAN PEKEBUN KECIL KE PASARAN GLOBAL, INSYALLAH DAN MEMBERI MANAFAAT YANG SEPENUHNYA KEPADA MASYARAKAT LUAR BANDAR UNTUK LEBIH MAJU LAGI DI MASA HADAPAN. SAYA MENDOAKAN AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN AKAN TERUS MAJU DAN MENINGKATKAN

28

PENGETAHUAN DAN AKAN MEMPRAKTIKKAN APA YANG DIPEROLEHI DALAM KOLOKIUUM INI. AZAM DAN KERJASAMA DARI SEMUA AKAN DAPAT MENJAYAKAN AKTIVITI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN SEMOGA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN TERUS CEMERLANG DALAM MENGHARUNGI KEHIDUPAN YANG LEBIH SEJAHTERA.

DENGAN KATA-KATA INI DAN DENGAN LAFAZ '**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**' SAYA MERASMIKAN **MAJLIS PERASMIAN KOLOKIUUM USAHAWAN PEKEBUN KECIL. SEKIAN. WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH WSB.**